

30/03/1997

Jangan perbesar isu negatif: MB

SHAH ALAM: Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib meminta pihak-pihak tertentu tidak memperbesar-besarkan isu negatif sehingga menenggelamkan kejayaan yang diperoleh negeri ini.

Beliau berkata, isu negatif dan positif perlu diseimbangkan supaya rakyat tahu kejayaan yang dicapai oleh Selangor selain beberapa perancangan yang sedang dan akan dilaksanakan.

"Sebagai pemimpin kerajaan, kita akui ada kelemahan. Bagaimanapun, kejayaan yang kita capai amat besar sekali.

"Apa yang berlaku ialah kecenderungan pihak tertentu memperbesar-besarkan aspek negatif sehingga menenggelamkan aspek positif yang berlaku di negeri ini," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Projek K21 Peringkat Negeri Selangor di sini, semalam.

Berita Harian kelmarin menyiarkan gambar dari udara menunjukkan kawasan di Bukit Antarabangsa, Hulu Klang sudah dibersihkan dan dipercayai dijadikan teres untuk projek pembangunan.

Beberapa bukit sudah diratakan bagi penyediaan tapak, manakala satu daripada puncak bukit diratakan sepenuhnya.

Tinjauan itu juga mendapati pokok yang ditebang masih bertaburan di kaki bukit terbabit dan beberapa jentolak kelihatan meratakan kawasan.

Sebelum itu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengarahkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyiasat kegiatan pembukaan tanah secara besar-besaran di Selangor.

Muhammad berkata, pembukaan tanah secara besar-besaran di utara Selangor seperti didedahkan oleh akhbar kerana kelalaian pihak yang diberi tanggungjawab.

(END)